

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	26 JUNE 2016

Malaysia destinasi pelaburan sempurna

BH - 26/6/2016

→ Keterbukaan pasaran yakinkan pelabur asing perluas perniagaan

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bh.com.my

▀ Kuala Lumpur

Keyakinan pelabur asing terhadap Malaysia sebagai destinasi pelaburan sempurna di rantau ini semakin meningkat, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, pelabur asing yakin dan selesa melabur dan mengembangkan perniagaan di negara ini, yang secara langsung me-

Fakta
nombor

RM1.3
BILION

pelaburan Kumpulan LuLu menerusi pembukaan cawangan baharu pasar raya di Malaysia

manfaatkan rakyat Malaysia.

Katanya, Malaysia sangat terbuka menarik kemasukan pelabur dari luar negara sejajar laporan Bank Dunia yang meletakkan negara ini dalam penarafan terbaik negara kompetitif dalam perniagaan.

Wujud lebih 72,00 peluang kerja

“Sebagai contoh pada tahun lalu, pelaburan asing dalam perdagangan pengedaran sahaja sudah mencecah RM2.59 bilion dan mewujudkan lebih 72,00 peluang pekerjaan,” katanya berucap merasmikan Pasar Raya Besar LuLu di sini, semalam.

Yang turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Pengerusi Kumpulan LuLu, Yusuff Ali.

Pasar raya yang dibina di atas tapak berkeluasan 2.32 hektar itu ada-

lah cawangan pertama di negara ini dan menawarkan barangan runcit, pakaian, keperluan rumah, peralatan elektrik, gajet dan makanan.

Pasar raya milik Kumpulan LuLu, sebuah syarikat berpangkalan di Emiriah Arab Bersatu (UAE) melabur sebanyak RM1.3 bilion untuk meluaskan perniagaan dan pembukaan cawangan baharu di negara ini.

Kumpulan itu turut bercadang membuka cawangan di Kota Bharu, Shah Alam, Ipoh, Melaka, Pulau Pinang dan Kuala Terengganu dalam tempoh terdekat.

Najib yang juga Menteri Kewangan mengalu-alukan pembukaan Pasar Raya Besar LuLu di negara ini, sama seperti pasar raya besar lain untuk memberi pelbagai pilihan kepada rakyat membeli barang berkualiti di pasaran kompetitif.

Katanya, kira-kira 5,000 rakyat tempatan akan diambil bekerja pada fasa

pertama ini, dan turut merangsang perniagaan petani, peladang dan pembekal hasil tani ke pasar raya itu.

Barang berkualiti tinggi

“Rekod cemerlang pasar raya berkenaan dalam menyediakan pelbagai barang berkualiti tinggi termasuk produk Malaysia di serata dunia amat mengagumkan,” katanya.

Dalam pada itu, Najib berkata kerajaan sentiasa mendahulukan rakyat dalam menghadapi kenaikan kos sara hidup ketika ini.

“Program seperti BR1M (Bantuan Rakyat 1Malaysia), KR1M (Kedai Rakyat 1Malaysia) dan pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) serta skim kawalan harga musim perayaan antara inisiatif murni melindungi rakyat daripada dianiaya peniaga yang mahu mengaut keuntungan berlebihan,” katanya.